

## 5.1.3 (b): AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)

### LAPORAN KETUA JURUAUDIT AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR ISO 14001:2004 TAHUN 2017

#### 1. TARIKH AUDIT

Audit Dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) Universiti Putra Malaysia 2017 telah dijalankan pada 13 hingga 16 Jun 2017.

#### 2. OBJEKTIF AUDIT

Untuk menentukan sama ada Universiti Putra Malaysia:

- (a) melaksanakan Pengurusan Alam Sekitar berdasarkan keperluan standard MS ISO 14001:2004 dengan efektif selaras dengan dasar sistem pengurusan alam sekitar serta objektif dan sasaran UPM;
- (b) melihat penambahbaikan yang bersesuaian bagi peningkatan berterusan; dan
- (c) bersedia untuk menghadapi Audit Pensijilan Semula, oleh badan pensijilan (SIRIM).

#### 3. KRITERIA AUDIT

Audit Dalam dijalankan berdasarkan dokumen dan rujukan berikut:

- (a) Standard MS ISO 14001:2004;
- (b) Dokumentasi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) UPM yang berkaitan;
- (c) Akta dan Peraturan berkaitan; dan
- (d) Rujukan lain yang dinyatakan dalam Manual/Prosedur.

#### 4. KAEDAH AUDIT

Kaedah audit yang digunakan oleh Juruaudit adalah:

- (a) Semakan maklumat iaitu rekod dan dokumen. Semakan dibuat bermula dari 13 Oktober 2016 (Selepas audit badan pensijilan lepas) hingga bermula audit (*Review*);
- (b) Pemerhatian pelaksanaan aktiviti (*Observe*);
- (c) Pengujian fungsi peralatan (*Test*); dan
- (d) Temubual auditi (*Interview*).

## 5. SKOP AUDIT

Skop audit adalah penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran di semua fakulti, Pusat Asasi Sains Pertanian serta Taman Pertanian Universiti.

## 6. LOKASI AUDIT

Lokasi audit adalah sebagaimana berikut:

- (a) Semua Fakulti termasuk Kampus Bintulu;
- (b) Pusat Asasi Sains Pertanian;
- (c) Taman Pertanian Universiti termasuk Kampus Bintulu;
- (d) Peneraju dan entiti/PTJ di bawah skop EMS iaitu Pejabat Bursar, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA), Pejabat Pengurusan dan Keselamatan Pekerjaan (PPKKP), Taman Pertanian Universiti (TPU), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Pusat Jaminan Kualiti (CQA), Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (COSCOMM), dan Pejabat Pendaftar.

## 7. PASUKAN JURUAUDIT

Seramai 44 orang Juruaudit yang mempunyai kelayakan untuk mengaudit Sistem Pengurusan Alam Sekitar telah melaksanakan audit pada tarikh yang ditetapkan. Pasukan audit telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu A, B dan C dan sebanyak 19 sub-kumpulan. Pelaksanaan audit dalaman ini diketuai oleh Ketua Juruaudit Dalaman (KJAD) EMS dan Timbalan KJAD QMS iaitu:

- (a) Encik Asrizam Esam dari Putra Sains Park sebagai KJAD;
- (b) Encik Allan Lajot dari Fakulti Pertanian sebagai Timbalan KJAD.

## 8. PROGRAM AUDIT DALAMAN

Program Audit Dalaman telah disediakan oleh Penyelaras Audit (PAD), Pusat Jaminan Kualiti dan disahkan oleh Wakil Pengurusan Universiti Putra Malaysia.

## 9. PENEMUAN AUDIT

### Kekuatan

- (a) Komitmen pihak Pengurusan Universiti dan Pusat Jaminan Kualiti dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) adalah sangat baik;

- (b) Pengiktirafan Anugerah Kursi Tan Sri Dr. Ali Hamsa, *Environmental PEKA Award*, penarafan *UI-Greenmetric World University Ranking*, Program Penanaman Pokok di Fakulti Ekologi Manusia, menunjukkan komitmen dan konsistensi UPM di dalam mengekalkan pelaksanaan EMS;
- (c) Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) membantu dalam pengendalian pelaksanaan EMS;
- (d) Penggunaan portal Jaminan Kualiti (portalCQA) yang baharu akan dapat membantu memudahkan pelaporan dan pemantauan proses audit dalaman.

### **Kelemahan**

- (a) Pelaksanaan kawalan operasi berdasarkan prosedur yang dibangunkan di peringkat Fakulti bagi pematuhan EMS dan undang-undang berkaitan masih perlu dipertingkatkan dan dipantau dari masa ke semasa;
- (b) Kesedaran terhadap pelaksanaan dan pematuhan standard EMS di kalangan staf masih boleh dipertingkatkan;
- (c) Komitmen daripada beberapa PTJ di dalam pelaksanaan Audit Dalaman yang telah dijalankan masih boleh dipertingkatkan.

## **10. LAPORAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN**

Hasil daripada audit dalaman yang telah dijalankan beberapa Laporan Ketakakuran (NCR) dan Peluang Penambahbaikan (OFI) telah direkodkan. Laporan penemuan audit telah dibenteng semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman pada 22 Jun 2017. Bilangan penemuan audit adalah sebagaimana **Jadual 1**, manakala perincian bagi penemuan audit mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ), Klausa dan Proses adalah sebagaimana **Lampiran 1**.

**Jadual 1:** Bilangan Penemuan Audit Dalaman

<b>Penemuan</b>	<b>Bilangan</b>
NCR	47
OFI	40
Perincian penemuan audit boleh dirujuk dalam portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) <a href="http://portalcqa.upm.edu.my/">http://portalcqa.upm.edu.my/</a>	

## 11. PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT

Pemakluman dan edaran secara *online* penemuan audit kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) dan Timbalan Penyelaras Audit (TPAD) di bawah skop EMS adalah pada 3 Julai 2017 mengambil kira cuti hari raya Aidilfitri.

Sehubungan itu cadangan tarikh bagi penutupan audit adalah pada 31 Julai 2017. Walau bagaimanapun penetapan tarikh sebenar tindakan bagi penutupan audit dalaman adalah berdasarkan tarikh yang dinyatakan atau tarikh lain yang dipersetujui oleh Juruaudit mengikut kesesuaian tempoh tindakan.

Maklum balas bagi tindakan ke atas penemuan audit (NCR dan OFI) perlu dilengkapkan oleh TWP atau TPAD melalui Portal Jaminan Kualiti (Portal CQA) secara *online* di bawah pautan Audit Dalaman.

## 12. KESIMPULAN

Audit Dalaman EMS kali ini telah dilaksanakan mengikut perancangan dengan baik. Terima kasih kepada semua Juruaudit dan Auditi yang telah memberi komitmen yang tinggi.

Secara keseluruhannya, EMS telah dilaksanakan di UPM berdasarkan sistem yang telah dibangunkan dan UPM bersedia menghadapi audit Badan Pensijilan setelah penambahbaikan yang dicadangkan dari penemuan audit dapat dilaksanakan.

Di antara penambahbaikan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) menambah latihan kesedaran kepada staf berkaitan EMS termasuk objektif dan sasaran terkini, aspek impak persekitaran;
- (b) meningkatkan pemahaman EMS dengan melihat dokumentasi EMS melalui laman web Universiti luar negara yang telah mendapat pengiktirafan ISO 14001 sebagai contoh University of New South Wales, University of Leeds, Newcastle University, Clayton State University, City University of New York dan lain-lain.
- (c) meningkatkan penggunaan laman web Green@UPM, Facebook UPM sebagai medium komunikasi EMS yang lebih berkesan [Kempen/kesedaran/penjimatan].

Disediakan oleh:

### **ASRIZAM ESAM**

Ketua Juruaudit Audit Dalaman EMS  
Universiti Putra Malaysia

**Lampiran****PERINCIAN PENEMUAN AUDIT MENGIKUT PUSAT  
TANGGUNGJAWAB, KLAUSA DAN PROSES****1. Penemuan Audit (NCR dan OFI) mengikut PTJ**

<b>Bil.</b>	<b>Pusat Tanggungjawab</b>	<b>Kod PTJ</b>	<b>Jumlah NCR</b>	<b>Jumlah OFI</b>
1	Pejabat Bursar	BUR	0	1
2	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi	FBMK	3	0
3	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	FBSB	1	2
4	Fakulti Ekologi Manusia	FEM	2	4
5	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	FEP	0	1
6	Fakulti Perhutanan	FH	1	3
7	Fakulti Kejuruteraan	FK	2	4
8	Fakulti Pertanian	FP	4	1
9	Fakulti Pengajian Alam Sekitar	FPAS	4	1
10	Fakulti Pengajian Pendidikan	FPP	1	1
11	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	FPSK	5	2
12	Fakulti Perubatan Veterinar	FPV	5	1
13	Fakulti Rekabentuk dan Senibina	FRSB	0	1
14	Fakulti Sains	FS	6	5
15	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	FSKTM	0	2
16	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan	FSPM	5	0
17	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	FSTM	0	3
18	Pusat Asasi Sains Pertanian	PASP	5	2
19	Pejabat Pendaftar	PEND	0	2
20	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	PPKKP	0	1
21	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	PPPA	1	2
22	Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi	PSKK	0	1
23	Taman Pertanian Universiti	TPU	2	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>47</b>	<b>40</b>

## 2. Penemuan Audit Mengikut Klausu

Bil.	Klausu	Jumlah NCR	Jumlah OFI
1	4.4.3 Komunikasi	1	3
2	4.4.1 Sumber, Peranan, Tanggungjawab dan Kuasa	1	2
3	4.5.3 Ketakakuran, Tindakan Pembetulan dan Tindakan Pencegahan	3	1
4	4.4.6 Kawalan Operasi	35	18
5	4.4.5 Kawalan Dokumen	1	0
6	4.5.1 Pemantauan dan Pengukuran	4	0
7	4.4.2 Kompeten, Latihan dan Kesedaran	0	9
8	4.4.7 Kesediaan Kecemasan dan Tindak Balas	2	5
9	4.3.3 Objektif, Sasaran dan Program	0	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>47</b>	<b>40</b>

## 3. Penemuan Audit Mengikut Proses

Bil.	Proses	Singkatan	Jumlah NCR	Jumlah OFI
1	Kebuk Wasap	WAS	5	0
2	Sisa Terjadual	SISA	14	10
3	Racun	RCN	3	0
4	Pengurusan	PGR	1	3
5	Latihan	LAT	0	6
6	Kumbahan	KUMB	0	1
7	Kertas	KTS	4	2
8	Komunikasi	KOM	1	2
9	Bahan Kimia	KIMIA	9	5
10	Tindakan Kecemasan	EMER	2	4
11	Elektrik	ELEK	7	7
12	Boiler	BOILER	1	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>47</b>	<b>40</b>